

Negara di landasan capai Wawasan 2020

UM - 14/7/2004: 14 Perdana

Laporan HATTA WAHARI
dan HERMAN HAMID

KUALA LUMPUR 13 Julai – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kemampuan Malaysia memulihkan ekonomi pada kadar 4.2 peratus bagi tempoh 2001-2005 membuktikan negara berada di landasan betul dalam mencapai matlamat Wawasan 2020.

Beliau berkata, dalam tempoh itu pendapatan per kapita turut meningkat kepada RM14,592 (AS\$3,840).

“Dalam usaha menjamin pertumbuhan tinggi, kerajaan kini rancang meneroka pelbagai sumber baru, seperti sektor pembuatan yang mempunyai nilai tambah tinggi dan sektor perhid-

matan seperti pelancongan, kesihatan, pendidikan serta yang berkaitan pembuatan.

“Sektor pertanian turut diberi nafas baru supaya lebih dinamik dan kerajaan memajukan sektor pembuatan serta industri sokongan dengan meningkatkan rantaian ke hadapan dan belakang.

“Ini diharap dapat mengurangkan pergantungan terhadap import dan menjimatkan pengeluaran keluar pertukaran asing, selain mampu menggalakkan pembangunan industri tempatan supaya berkembang menjadi syarikat multinasional,” katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan **Datuk Abdul Rahim Bakri (BN-Kudat)** pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Abdul Rahim meminta Perda-

na Menteri menyatakan pencapaian Malaysia setakat ini dalam usaha mencapai sembilan objektif utama Wawasan 2020 selepas lebih sedekad dilancarkan.

Abdullah berkata, kerajaan turut memberi penekanan ke arah peningkatan produktiviti dan kecekapan sumber manusia menerusi program pendidikan serta latihan, sekali gus selari dengan keperluan industri.

Ujarnya, usaha juga diteruskan untuk meningkatkan keupayaan inovasi, teknologi maklumat, komunikasi (ICT) serta kandungan pengetahuan di samping merangsang aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sains dan teknologi sebagai asas memajukan ekonomi.

“Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) juga digunakan untuk mengukur pencapaian kerajaan dalam meningkatkan taraf hidup rakyat dan secara keseluruhan, kita mendapati wujud peningkatan dalam aspek kesihatan, pendidikan, perumahan dan pendapatan serta pengagihan.

“Peningkatan ini memberi gambaran bahawa kita sedang menuju ke arah negara maju dan kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan kita tidak tergelincir dari landasan ini.” katanya.

Tegasnya, kerajaan memerlukan kerjasama semua pihak agar dapat mencapai matlamat negara maju demi kebaikan jangka panjang rakyat.